

Kawalan Pencemaran Daripada Aktiviti Penternakan

Statistik pengeluaran produk ternakan negara pada tahun 2010 menunjukkan pengeluaran daging ayam/itik merupakan penyumbang terbesar negara (58%) diikuti pengeluaran telur ayam/itik (26%), daging babi (11%), susu (3%), daging lembu/kerbau (2%) dan daging kambing/bebiri (0.11%). Jumlah ini dijangka meningkat dengan pelaksanaan pelbagai usaha Kerajaan bagi meningkatkan sumber protein ini di peringkat tempatan selaras dengan Dasar Agro Makanan Negara 2011 - 2020 yang mensasarkan peningkatan pendapatan penternak dan bagi memastikan sumber bekalan makanan yang mencukupi.

Dengan pertambahan dan pembukaan ladang ternakan ini, jumlah sisa buangan ternakan akan meningkat. Sisa buangan yang dihasilkan dari aktiviti ternakan adalah najis ternakan, air mandian, air basuhan kandang, sisa lebihan makanan yang tumpah dan lain-lain. Ini ditambah pula dengan masalah bau yang tidak menyenangkan di samping kehadiran lalat. Sebagai contoh, terdapat restoran di kawasan hentian rehat dan rawat (R&R) di tepi lebuh raya yang terpaksa ditutup disebabkan kehadiran lalat dan masalah bau dari kawasan ternakan berhampiran. Bagi mengatasi masalah ini, pengusaha penternak harus mengamalkan sistem kandang/reban yang tertutup dengan menggantikan sistem kandang terbuka. Ini akan dapat mengatasi masalah bau dan lalat.

Berdasarkan maklumat populasi ternakan babi, lembu dan ayam dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar pada tahun 2011, dianggarkan bahawa ketiga-tiga ternakan ini menyumbangkan sebanyak 12.5 juta kg/hari beban permintaan oksigen biologi (Biological oxygen demand- BOD) iaitu 12 kali ganda lebih tinggi daripada beban BOD yang disumbangkan oleh kumbahan terawat dan separa terawat. Jumlah ini hanya mengambilkira 3 jenis haiwan ternakan sahaja.



Kolam pengolahan efluen dari ladang ternakan lembu (JAS)

Pencemaran Ternakan

Di antara isu alam sekitar berkaitan dengan ternakan ialah:

- Zon penampungan yang tidak mencukupi di antara ladang dengan kawasan perumahan yang terdekat
- Pelepasan efluen tanpa diolah/rawat ke alur air
- Masalah bau dan lalat
- Pembuangan atau pelupusan bangkai ternakan ke dalam sungai
- Larian air permukaan dari kawasan penternakan yang mencemarkan sungai
- Penggunaan baja najis ternakan secara berlebihan dan kaedah aplikasinya yang tidak mesra alam
- Larian air permukaan dari kawasan pertanian yang menggunakan baja ternakan



Kolam takungan berwarna hitam dari aktiviti penternakan (JAS)



Kandang kambing dan lembu di sekitar Parit Kampung Kuala Juru (JAS)

Dalam tempoh Januari - September 2012, sebanyak 86 aduan telah diterima oleh JAS yang melibatkan pencemaran air, bau, bunyi bising dan kacau ganggu berpunca daripada aktiviti ini.

Melalui program pengawasan kualiti air sungai yang dijalankan oleh JAS pada tahun 2011, 27% daripada sungai (123 batang sungai) dicemari oleh ammoniakal nitrogen (NH_3N) iaitu petunjuk kepada pembuangan kumbahan dan aktiviti penternakan; berbanding dengan 22% sungai (100 batang sungai) yang tercemar oleh pepejal terampai.

Kaedah Kawalan Pencemaran

Kaedah pengawalan pencemaran dari aktiviti penternakan berbeza dari negeri ke negeri, bergantung kepada enakmen sedia ada. Ketidakeragaman dalam peruntukan dalam enakmen negeri turut menyukarkan penguatkuasaan dan kawalan terhadap pelepasan efluen ke alur air.

JAS telah mengambil inisiatif untuk menggubal satu peraturan baru khusus bagi mengawal pencemaran dari aktiviti penternakan dan telah dimasukkan dalam Pelan Strategik JAS tahun 2011-2020. Penggubalan peraturan baru ini amat penting selaras dengan usaha kerajaan bagi memastikan kualiti sumber bekalan air dilindungi dan dihindari dari sebarang bentuk pencemaran.

Melalui peraturan ini, para penternak digalakkan mengamalkan kaedah ternakan mesra alam:

- Penggunaan air yang rendah
- Mengitar semula air buangan
- Kaedah mengolah sisa yang lebih baik



Air sisa dari ladang babi (kosmo.com.my)

Selain itu, para penternak digalakkan juga mengamalkan pendekatan pematuhan sendiri seperti:

- Menyimpan rekod dan memantau sendiri pelepasan efluen
- Melaksanakan amalan pengurusan terbaik di ladang masing-masing bagi mengurangkan risiko pencemaran kepada alam sekitar



Penternakan ayam - bangsal tertutup (jvpk.gov.my)

Kerjasama dan komitmen dari semua pihak khususnya penternak adalah sangat diharapkan agar keuntungan yang diperolehi dapat diseimbangkan dengan penjagaan alam sekitar. Penternakan secara mapan atau lestari adalah perlu demi memastikan alam sekitar terpelihara demi generasi yang akan datang.

Rujukan

Jabatan Perangkaan Malaysia (2011). Indikator Terpilih Pertanian, Tanaman dan Ternakan 2006-2010, pp. 1-60

Jabatan Alam Sekitar (2011). River water Quality. Malaysia Environmental Quality Report 2011, pp 1-87.